

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْحِ مَنَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

**FAKULTI KOMUNIKASI & PENGAJIAN MEDIA
JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN**

KETUA PTJ :

MASSILA BINTI HAMZAH

KETUA UNIT KUALITI :

PENYELARAS :

RAJA PUTRI NADIAH BINTI RAJA AHMAD

PENULIS :

1. ELIZA BINTI EZZAUDDIN HUSSEIN
2. NURUL HANANI BINTI OMAR
3. NORHAYATI BINTI BABA
4. NORASIKIN BINTI ALIMOM
5. MOHD NAZRI BIN IBRAHIM
6. MANIMEGALAI A/P AMBIKAPATHY
7. MAHATHIR BIN AHAMAD

8. MOHD SHAHNAWI BIN MUHMAD PIRUS
9. ANTASHAH BIN MOHD NOR
10. WARDATUL HAYAT BINTI ADNAN
11. AEYNEDA ZAIRYN BINTI ABDUL JALIL
12. SHAHNIL ASMAR BINTI SAAID
13. NUR AZIEMAH BINTI MOHD AZMAN
14. NURUL ATIQAHA BINTI MOHD AZLAN
15. TENGGU ELENA BINTI TENGGU MAHAMAD

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FKPM mengamalkan Konsep 'Lead by Example', (LBE) atau dikenali sebagai konsep Kepimpinan Melalui Teladan yang dinamik dan efisien bagi mencapai semua objektif dan perancangan berkaitan dengan pengurusan fakulti termasuk dalam proses pencapaian bidang tumpuan yang memfokuskan kepada Jaringan Industri dan Keusahawanan. Sehubungan dengan itu, kepimpinan tertinggi FKPM begitu komited dalam menggalakkan penglibatan warga fakulti dalam apa sahaja bentuk kerjasama dengan pihak luar mahupun dalaman universiti dalam usaha mewujudkan peluang kolaborasi berkaitan dengan bidang tumpuan.

1. APPROACH

Kepimpinan tertinggi FKPM mengamalkan konsep 'Kepimpinan Melalui Teladan' / *Lead By Example (LBE)* sebagai panduan dalam pentadbiran fakulti melalui 5 teras yang merangkumi:

- Sokongan Moral (Moral Support)
- Hubungan Pekerja (Employee Engagement)
- Pemerksaan Pekerja (Empowerment)
- Motivasi, Pengiktirafan dan Sanjungan (Rewards)
- Sokongan Kewangan (Financial Support)

2. DEPLOYMENT

Konsep LBE ini diterjemahkan melalui 3 budaya kerja yang dipraktikkan oleh kepimpinan tertinggi fakulti :

- Budaya Perdana UiTM (*Organization Culture*)
- DNA MassComm (*Internal Practice*)
- Platform Komunikasi Digital (*Internal Communication*)

3. LEARNING

Kepimpinan tertinggi FKPM sentiasa bersedia menghadapi krisis dengan mewujudkan 4 inisiatif sebagai langkah pengurusan risiko :

- Jawatankuasa Dalaman (*Internal Committee*)
- Mesyuarat Pemantauan (*Townhall*)
- Latihan Sumber Manusia (*Learning & Development*)
- Keraian (*Employee Celebration*)

4. INTEGRATION

LBE ini juga menjadi tulang belakang kepada 6 projek utama di bawah bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan:

- iCOMS 2019
- Blackbox
- Dot.PSA
- MassComm x GM Klang
- MassComm x AlJazeera
- Decypher

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan 1 - Sokongan Moral

Bagi melahirkan pekerja yang produktif dan kompetitif, kepimpinan tertinggi FKPM sentiasa menunjukkan sokongan, dorongan dan memilih untuk sedaya upaya menyediakan pelbagai inisiatif termasuklah kemudahan infrastruktur, sokongan kewangan dan juga sokongan moral bagi memastikan pekerja sentiasa bermotivasi untuk menyumbang kepada pembangunan fakulti. Ucapan tahniah, penghargaan, terima kasih dan juga ingatan khas pada hari-hari istimewa pekerja merupakan usaha kepimpinan tertinggi FKPM untuk memastikan pekerja sentiasa dihargai dan bersemangat untuk terus berbakti kepada fakulti. Kepimpinan tertinggi FKPM juga sentiasa menyediakan platform kepada pekerja untuk berinovasi dalam menghasilkan projek-projek berimpak tinggi dalam bidang tumpuan. Usaha ini selari dengan misi FKPM dalam mengilhami projek - projek bersifat kemasyarakatan yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan dalam kalangan warga FKPM. Selain daripada itu, sokongan moral ini diterjemahkan oleh pihak kepimpinan tertinggi FKPM secara melibatkan diri dalam proses perancangan projek dan turut menghadirkan diri sepanjang projek berlangsung. Sokongan yang padu ini secara tidak langsung dapat membantu pihak kepimpinan tertinggi FKPM untuk lebih dekat dengan warga fakulti.

Pendekatan 2 - Pemerksaan Pekerja (Empowerment)

Konsep LBE ini juga dapat dilihat apabila Dekan FKPM bersama kepimpinan tertinggi sentiasa memfokuskan kepada pemerksaan pekerja dalam pengendalian tugas FKPM. Warga FKPM tidak terbatas dalam membuat keputusan kerana lantikan rasmi sentiasa diberikan bagi menunjukkan penyerahan kuasa membuat keputusan itu mengikut kepada bidang kerja masing-masing. Kepimpinan tertinggi FKPM percaya pemerksaan kuasa ini secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi dengan menjana idea yang kreatif dan inovatif bagi bidang tumpuan yang dipilih. Pemerksaan pekerja ini juga dapat mengetengahkan bakat-bakat baru yang produktif. Secara tidak langsung teras ini dapat mewujudkan unsur kepercayaan antara pihak kepimpinan tinggi FKPM dan warga kerja FKPM.

Pendekatan 3 - Hubungan Pekerja (Employee Engagement)

Kepimpinan tertinggi FKPM sentiasa membudayakan suasana kerja yang kondusif dan harmoni. Dekan FKPM selaku ketua jabatan sentiasa mewujudkan kerjasama yang erat di antara majikan dan pekerja kerana percaya bahawa elemen ini dapat membawa perubahan positif kepada kemajuan organisasi. Amalan ini menjadi teladan buat timbalan-timbalan dekan ketua-ketua unit yang lain yang juga sentiasa prihatin terhadap keperluan warga FKPM dalam usaha mencapai projek-projek FKPM khususnya yang berkaitan dengan bidang tumpuan. Perkara ini dapat dilihat melalui sokongan yang padu apabila komunikasi dua hala di antara pihak kepimpinan tertinggi dan warga FKPM sentiasa dititikberatkan setiap kali mesyuarat dijalankan.

Pendekatan 4 - Motivasi, Pengiktirafan dan Sanjungan

Bagi menghargai usaha dan iltizam serta komitmen warga FKPM yang bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan bidang tumpuan, kepimpinan tertinggi FKPM sentiasa mengamalkan budaya pengiktirafan dan sanjungan kepada individu yang sentiasa produktif dan berdaya saing. Anugerah Sanjungan FKPM sebagai contoh amalan terbaik yang dilihat dapat menyuntik semangat motivasi yang tinggi untuk warga FKPM terus memberikan yang terbaik. Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang turut dihargai secara peringkat dalaman apabila pengumuman dibuat ketika sambutan perayaan FKPM. Usaha tambahan ini dilihat memberikan impak besar apabila setiap tahun produktiviti dan kualiti projek-projek dalam bidang tumpuan semakin menunjukkan peningkatan. Hal ini dapat dibuktikan apabila pencapaian MyRA FKPM meningkat dari tahun ke tahun.

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran - APC.pdf](#)
2. [Anugerah Perkhidmatan Cemerlang-compressed.pdf](#)
3. [Ucapan terima kasih dan penghargaan Dokumentasi IQA02-compressed.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Budaya 1 - Budaya PERDANA UiTM

Delegasi kepimpinan tertinggi FKPM sentiasa menyahut gagasan budaya PERDANA UiTM dalam proses pengurusan fakulti yang merangkumi (7) prinsip PERDANA (Pantas dan Positif, Empati, Relevan, Daya Saing, Amanah Adil dan Integriti, Nilai Tambah dan Kelainan, Arif dan Berilmu) kerana pihak kepimpinan tertinggi FKPM percaya budaya kerja ini melahirkan warga FKPM yang mempunyai minda kerja kelas pertama. Bagi bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan ini, pihak kepimpinan tertinggi FKPM memfokuskan kepada 2 nilai utama iaitu Nilai Tambah dan Kelainan. Sebanyak 6 projek terhasil daripada bidang tumpuan yang dipilih dan setiap projek-projek ini mempunyai nilai tambah dan kelainan yang menjadi fokus utama yang meletakkan projek-projek ini di kelas yang tersendiri. Penerangan 6 projek ini akan dihuraikan secara lebih terperinci dalam Kriteria 2 - Perancangan Strategik.

Budaya 2 - DNA MassComm (Internal Practice)

Selain daripada Budaya PERDANA UiTM, Dekan FKPM bersama barisan kepimpinan tertinggi turut bersama-sama memimpin secara teladan dengan menambah usaha dalam mewujudkan budaya DNA Masscomm. Pembentangan idea ini dilakukan ketika sesi Amanat Dekan yang berlangsung pada setiap suku tahun yang merangkumi Q1,Q2,Q3,Q4. DNA Masscomm ini bertindak sebagai panduan supaya warga FKPM mempunyai corak kerja yang sama. Salah satu DNA Masscomm yang disuntik dalam usaha penghasilan projek-projek berbentuk Industri dan Keusahawanan adalah nilai '*Unlock Our Asset and Value*'. Dekan FKPM sentiasa melihat aset dan nilai utama FKPM adalah sebagai pakar rujuk utama dalam bidang Komunikasi dan Media. Justeru, projek-projek yang berkaitan dengan bidang tumpuan ini terhasil apabila warga FKPM memilih untuk mengembangkan bakat dan idea berorientasikan kepakaran masing-masing. Penerangan mengenai bidang kepakaran ini akan dihuraikan secara lebih terperinci dalam Kriteria 5 -Tumpuan Sumber Manusia

Budaya 3 - Komunikasi Digital (Internal Communication)

Proses komunikasi dua hala di antara pihak kepimpinan tertinggi FKPM dan warga FKPM tidak hanya terbatas dengan komunikasi fizikal secara mesyuarat dalaman. Seiring dengan dunia teknologi dan komunikasi baru serta pandemik yang melanda negara ketika ini, budaya penggunaan komunikasi digital sebagai platform komunikasi berlaku secara aktif dan formal. Amalan terbaik yang dipraktikkan oleh warga FKPM melalui komunikasi digital ini adalah menerusi aplikasi AdHub yang merupakan aplikasi digital di antara pensyarah FKPM dan pelajar. Ini merupakan kejayaan yang turut disokong sepenuhnya oleh kepimpinan tertinggi FKPM. Antara medium digital lain yang terlibat adalah, Whatsapp rasmi FKPM, Facebook rasmi FKPM, Instagram rasmi FKPM dan laman sesawang rasmi FKPM. Kesemua digital platform ini dikelola oleh pengurus rasmi dibawah tanggungjawab Unit Korporat FKPM bagi mengelakkan sebarang krisis dan percanggahan maklumat. Budaya komunikasi digital ini juga turut mempunyai etika dan garis panduan yang telah diamanatkan dalam mesyuarat bersama sesi Amanat Dekan yang berlangsung pada setiap suku tahun yang merangkumi Q1,Q2,Q3,Q4.Selain daripada itu FKPM mempunyai siaran radio UFM sendiri yang turut menjadi medium komunikasi dengan warga universiti. Kewujudan MassCTV Channel juga merupakan medium YouTUBE channel rasmi kepimpinan tertinggi dan warga FKPM dalam berkomunikasi dengan pelanggan.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran - DNA MASSCOMM.pdf](#)
2. [Lampiran - Website FKPM.pdf](#)
3. [Lampiran - Whatsapp Group.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Strategi 1 - Jawatankuasa Dalaman (Internal Committee)

Pembahagian tugas melalui pelantikan Jawatankuasa Dalaman dilihat amat berkesan dalam perancangan sesuatu projek. Kepimpinan tertinggi FKPM bijak menguruskan pembahagian tugas mengikut kekuatan warga FKPM melalui kompetensi warga kerja bertujuan mengelakkan berlakunya risiko dalam usaha mencapai objektif strategik FKPM. Jawatankuasa Dalaman ini terdiri daripada pelbagai latar belakang yang merangkumi kombinasi staff akademik dan bukan akademik pelbagai peringkat. Sebagai contoh pihak kepimpinan tinggi FKPM juga melantik Ketua Unit Kualiti yang bertanggungjawab dalam memastikan perjalanan inisiatif strategik FKPM sentiasa mengikut perancangan awal, manual dan prosedur yang ditetapkan tanpa sebarang risiko. FKPM turut mempunyai penerbitan sendiri yang dinamakan Forum Komunikasi yang menjadi platform warga FKPM menerbitkan hasil penyelidikan. Forum Komunikasi ini turut mempunyai jawatankuasa dalaman dari warga FKPM sendiri.

Strategi 2 - Mesyuarat Pemantauan (Townhall)

Kepimpinan Tertinggi FKPM juga mengamalkan sistem pemantauan yang berterusan dan menyeluruh ke atas perancangan yang telah ditetapkan bagi memastikan objektif FKPM dapat dicapai terutama dalam bidang tumpuan. Pemantauan ini dapat dilakukan secara berperingkat dan berkala dengan mengadakan mesyuarat Work In Progress (WIP) . Setiap proses pemantauan ini diwakili oleh Ketua Jabatan dalam usaha penambahbaikan proses perancangan projek-projek yang terlibat. Selain daripada itu, seluruh warga FKPM juga akan berkumpul bagi mendapatkan maklumat terkini berkaitan pencapaian dan hala tuju FKPM melalui Amanat Dekan yang berlangsung pada setiap suku tahun yang merangkumi Q1,Q2,Q3,Q4

Strategi 3 - Latihan Sumber Manusia (Learning and Development)

Pihak kepimpinan tertinggi FKPM juga sentiasa menyediakan platform pembangunan warga FKPM melalui latihan-latihan yang berkaitan. Sistem perkongsian pembelajaran daripada warga FKPM kepada warga kerja yang tidak berkesempatan menyertai latihan-latihan tersebut juga merupakan satu amalan terbaik FKPM dalam usaha menangani risiko tempat kerja. Melalui pelbagai program latihan, perkongsian pengetahuan dan kemahiran, seseorang pekerja itu berpeluang memperkasa kepakaran masing-masing. Jam kredit hasil daripada penglibatan latihan-latihan ini direkodkan bertujuan menghargai peluang latihan yang diberikan.

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran - TOWNHALL VIRTUAL.pdf](#)
2. [Lampiran - Jemputan sesi bertemu dekan.pdf](#)
3. [AJK Anugerah Kualiti NC-compressed \(1\).pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko sangat penting dalam penyediaan menghadapi segala krisis dan risiko yang wujud terutama dalam proses pencapaian objektif dan inisiatif strategik FKPM. Kepimpinan tertinggi FKPM sentiasa memantau, mengambil berat dan komited dalam menyediakan perancangan untuk mencegah segala jangkaan risiko sepanjang projek berlangsung.

Bagi memantau inisiatif projek FKPM, pihak kepimpinan tertinggi FKPM telah melantik penyelarasan dalam mengetuai unit strategik FKPM bagi Center of Strategic Planning and Information (CSPI) untuk memastikan 2 pelan dibawah dikendalikan dengan baik dan berkesan.

Antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan sepanjang menjalankan mana-mana projek berimpak tinggi adalah :

- Sentiasa berkomunikasi dengan pihak korporat UiTM untuk memastikan projek-projek yang dijalankan berada di landasan yang betul mengelakkan kontroversi dan perkara-perkara tidak diinginkan.
- Sentiasa mengamalkan konsep musyawarah untuk 'update' setiap progres projek-projek yang dijalankan dari masa ke semasa.
- Kolaborasi bersama pihak berwajib seperti PDRM, Bomba dan Hospital mengikut kesesuaian projek untuk tujuan keselamatan peserta projek-projek yang dijalankan.
- Mewujudkan kelas kemahiran kepada fasilitator sebelum mereka mengendalikan sesuatu projek.
- Memperluaskan hubungan dengan NGO dan syarikat awam agar tajaan daripada kumpulan-kumpulan projek ini terjamin.
- Melantik individu yang berupaya menjaga kebajikan dan keselamatan peserta dari pelbagai aspek.
- Penganjur dan pelajar perlu melakukan kajian terperinci mengenai kelakuan peserta kurang upaya terlibat agar dapat mengawal sebarang masalah atau isu.

SENARAI BUKTI :

1.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Proses pemantauan dan penambahbaikan prestasi sentiasa menjadi keutamaan kepimpinan tertinggi FKPM. Kepimpinan fakulti akan sentiasa memastikan setiap projek yang dijalankan perlu melalui fasa-fasa pemantauan seperti berikut:

1. Mengenalpasti risiko projek
2. Mengenalpasti faktor risiko projek
3. Menyediakan pelan mengatasi risiko projek
4. Perancangan penambahbaikan projek.

SENARAI BUKTI :

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kredibiliti dan sokongan kepimpinan tertinggi FKPM kepada inisiatif dan halatuju fakulti terutama dalam bidang tumpuan telah berjaya merealisasi 6 projek berimpak tinggi iaitu :

1. iCOMS2019 (International Conference on Media and Social Science) 2019 - konferensi akademik yang mengumpulkan ahli akademik dan pengamal media lokal dan juga antarabangsa.
2. Blackbox - Pameran digital dan produktiviti dengan kolaborasi eksklusif bersama Malaysian Productivity Corporation (MPC)
3. Dot PSA - Projek Pesanan Khidmat Masyarakat mengenai pandemik dengan kolaborasi bersama beberapa NGO di Malaysia.
3. MassComm x GM Klang - Projek Kempen Periklanan Pelajar untuk 'real client', GM Klang.
4. MassComm x Al Jazeera - kolaborasi antarabangsa dengan syarikat media gergasi dunia.
5. Decypher - Projek inovasi permainan maya secara dalam talian oleh pelajar *Instructional Communication and Training*.

Projek-projek yang bertunjangkan Jaringan Industri dan Keusahawanan ini mempunyai keunikan tersendiri yang akan diperincikan dalam kriteria-kriteria seterusnya. Kredibiliti dan sokongan kepimpinan tertinggi FKPM dalam penghasilan projek-projek di atas meliputi aspek-aspek berikut:

- Penghargaan Pekerja - Anugerah Pekerja Cemerlang kepada pensyarah-pensyarah dan staf yang terlibat dengan projek di bawah bidang tumpuan.
- Kepimpinan Melalui Teladan - Lead by Example
- Berpegang kepada budaya Perdana UiTM yang merangkumi (7) prinsip PERDANA (*Pantas dan Positif, Empati, Relevan, Daya Saing, Amanah Adil dan Integriti, Nilai Tambah dan Kelainan, Arif dan Berilmu*)
- Sokongan Moral dan Sokongan Kewangan yang tidak berbelah bahagi melalui Tabung Pengurusan / Tabung Amanah Pelajar untuk membantu kelancaran projek yang dijalankan.

SENARAI BUKTI :

1. [Laporan iCOMS 2019-compressed.pdf](#)
2. [Lampiran - Jalinan Kerjasama GM Klang.pdf](#)
3. [Decypher - Dr Noor Mayudia.pdf](#)
4. [Kertas Kerja Al-Jazeera Week - 23.09.2019 \(UPDATED AFTER MEU\).pdf](#)
5. [Blackbox Invitation Card.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pencapaian fakulti masih ditahap sederhana pada tahun 2018, namun peratusannya meningkat dari tahun ke tahun. Oleh sedemikian, Pengurusan tertinggi FKPM mengambil kira langkah-langkah yang perlu diambil dalam menjadikan UiTM sebagai university yang unggul serta memastikan prestasi fakulti akan terus meningkat. Di antara langkah penambahbaikan yang dijalankan adalah pihak pengurusan tertinggi FKPM mengadaptasikan PLAN, DO, Check dan ACT sebagai langkah mengawal serta memantau perkembangan fakulti.

(Plan) Bagi memastikan fakulti mencapai sasaran yang ditetapkan oleh UiTM serta meningkatkan pencapaian dari tahun-tahun yang lepas, fakulti telah mengkaji dan menganalisa permasalahan yang berlaku serta kesanya terhadap prestasi fakulti serta UiTM. Satu langkah penambahbaikan telah dirancang dan ditetapkan objektif bagi memastikan pencapaian serta objektif fakulti dicapai.

(Do) menggunakan konsep *Walk the Talk*, pihak pengurusan tertinggi fakulti akan memastikan kesemua program atau projek yang dijalankan di bawah program haruslah mencapai objektif yang dirangka oleh Negara serta Universiti. Kaedah ini diterapkan melalui setiap program haruslah mendapat kelulusan ahli perngurusan tertinggi fakulti terlebih dahulu. Mesyuarat perbincangan ini diadakan 2 kali sebulan mengikut kuantiti projek yang akan dijalankan.

(Check) Setiap Projek yang mendapat kelulusan fakulti haruslah menghantar laporan hasil serta perkembangan kepada fakulti bagi memastikan projek yang diluluskan tersebut dijalankan dengan berkesan.

(Act) Setelah kesemua Projek selesai dijalankan, fakulti akan mengemaskini butiran projek dan menganalisa projek-projek yang menyumbang kepada peningkatan Ranking dan sebagainya.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

APPROACH 2.1

Projek dan Program berimpak tinggi yang dihasilkan oleh warga FKPM adalah berpandukan kepada Perancangan Strategik / Strategic Plan (SP) yang juga selari dengan 3 asas utama termasuk :

Asas Utama Perancangan Strategik

Asas 1 - Rancangan Malaysia ke 11 (RMK) UiTM

Bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik di bawah bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan, kepimpinan tertinggi FKPM menggunakan pemetaan teras 3 Akademia, Industri dan Masyarakat, teras 4 Kepimpinan serta teras 5, Keusahawanan yang dirangka berdasarkan RMK-11 UiTM (2016-2020). Pemetaan ini digunakan oleh seluruh bahagian dan unit di pengurusan tertinggi FKPM bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik tidak tersasar dari objektif yang ingin dicapai. Kecemerlangan bakat dilaksanakan menerusi hubungan akademia industri dengan menggunakan kepakaran industri dan universiti. Manakala, kepimpinan ialah menambah nilai proses pembangunan modal insan universiti melalui latihan secara menyeluruh dengan kerjasama industri, alumni dan masyarakat.

Fokus utama projek-projek berimpak tinggi FKPM yang dirancang dibawah bidang tumpuan yang dipilih iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan adalah berpaksikan teras utama RMK-11 UiTM yang menyebut mengenai pemerksaan hubungan bestari dan kerjasama strategik untuk pembangunan masyarakat demi perubahan sosial dan ekonomi. Justeru, kesemua projek utama yang dirancang di bawah bidang tumpuan ini mempunyai pelbagai tema yang memperjuangkan hubungan strategik warga FKPM bersama industry serta memupuk semangat keusahawanan.

Asas 2 - Misi dan Visi Universiti Teknologi MARA

Selain daripada RMK-11 UiTM, projek-projek berimpak tinggi yang dirancang oleh warga FKPM bersama kepimpinan tertinggi FKPM adalah selari dengan Misi dan Visi Universiti Teknologi Mara dalam usaha melahirkan graduan yang berkualiti. Menyahut seruan visi universiti dalam menjadi sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika. Selain itu, pihak kepimpinan tertinggi FKPM turut meletakkan misi universiti yang menekankan kepada peningkatan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

Justeru, bagi merealisasikan misi dan visi universiti dengan kepakaran FKPM, kesemua projek utama yang dirancang dibawah bidang tumpuan ini mensasarkan penglibatan pelajar dan warga FKPM secara menyeluruh dalam usaha menambah nilai kepada masyarakat Malaysia melalui pelbagai tema dan bidang kepakaran. Sumbangan ini terbentuk daripada bidang kepakaran FKPM sendiri iaitu dalam konteks bidang Komunikasi dan Media.

Asas 3 - Perancangan Strategik FKPM

Seterusnya, selain daripada asas RMK-11 UiTM, Misi dan Visi universiti, perancangan 5 projek utama dibawah bidang tumpuan yang dipilih ini turut berpandukan kepada perancangan strategik FKPM. Kepimpinan tertinggi FKPM turut mengadakan mesyuarat dalaman serta pelantikan ahli jawatankuasa khas perancangan strategik FKPM dalam usaha merancang projek-projek berbentuk Hubungan Jalinan Industri dan Keusahawanan yang strategik dan berimpak tinggi.

Kepimpinan tertinggi FKPM turut melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang cekap dan berkesan serta sentiasa melaksanakan penambahbaikan secara berterusan untuk menjadi sebuah organisasi terunggul.

Inisiatif seperti Bengkel Perancangan Strategik yang dijalankan juga antara salah satu usaha dalam merancang serta membentangkan hasil perancangan strategik yang boleh membantu dalam meningkatkan pengetahuan berkaitan bidang tumpuan yang dipilih. Pemerkasaan yang dilaksanakan ini adalah bagi mendapatkan maklumat yang lengkap bagi perancangan strategik yang mantap untuk pihak pengurusan FKPM sendiri.

Pelaksanaan program yang melibatkan jalinan akrab bersama industri serta memupuk minat berniaga dalam diri staff serta pelajar secara tidak langsung mewujudkan perhubungan strategik dengan industri luar. 2 Objektif utama dalam perancang strategik FKPM dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan adalah : (i) Mengukuhkan hubungan antara industri dengan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan FKPM (ii) Menggalakan penglibatan pelajar untuk terlibat dengan bidang keusahawanan.

SENARAI BUKTI:

1. [Tentatif Bengkel Perancangan Strategik FKPM 2020 - 2025 Edited 8 Februari 2019.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

DEPLOYMENT 2.2

Model Utama Perancangan Strategik

Melalui hasil pemantauan dengan menggunakan 3 model IAIOI dan PDCA serta ADDIE, pihak kepimpinan tertinggi FKPM dapat memantau sesuatu objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang. Dengan berpaksikan RMK-11 sebagai pandu arah dalam menjalankan setiap perancangan, informasi yang telah diperolehi ini akan menjadi indikator bagi penanda aras kepada inisiatif lain yang dilaksanakan berdasarkan model yang digunakan.

Model 1 - The Logic Model Approach IOAI (Inputs Activities, Outputs, Outcomes, Impact).

Model Logik ini menjadi salah satu teori utama yang mewakili komponen yang memperlihatkan proses atau kejadian yang menghubungkan keperluan sesuatu rancangan atau aktiviti yang dirancang sejajar dengan hasil dan momentum yang diinginkan. Dibawah merupakan projek utama yang menggunakan teras model Logik (IAIOI):

BLACKBOX

Sebuah Projek di bawah Program Perilanan FKPM yang berjaya menjadikan UiTM satu-satunya sebuah institusi yang mempunyai MOU bersama GM Klang. Melalui projek ini, mampu memupuk sebuah jaringan industri yang berjaya dengan usahasama pensyarah, pelajar dan GM Klang. Dan melalui MOU ini, pelbagai jenis usahasama mampu dijalankan. Pelajar dan pensyarah yang dilantik sebagai pakar runding oleh GM Klang, mengukuhkan lagi Ukhwah di antara UiTM dan GM Klang. ini akan meliputi RMK-11 Pelan Perancangan Strategik UiTM 2016-2020 dengan terhasilnya Graduan Holistik Berciri Keusahawanan dan Seimbang serta Pembelajaran Sepanjang Hayat. Ini kerana melalui usahasama ini, pelajar dan pensyarah telah dilantik oleh GM Klang sbagai Pakar Perunding dan diberi Honorarium yang mampu mendorong pelajar untuk menjadi seorang usahawan melalui khidmat perundingan.

Model 2 - Plan Do Check Act (PDCA)

PDCA merupakan singkatan Plan, Do, Check dan Act, (Rencanakan, Kerjakan, Periksa dan Tindak Lanjut) merupakan empat tahap atau proses dalam pengendalian dan peningkatan sistem sesebuah organisasi dalam memastikan pelaksanaan yang strategik dapat dicapai. Dibawah merupakan projek utama yang menggunakan teras model PDCA:

BlackBox

Projek Blackbox ini mampu memberikan pendedahan terkini tentang dunia digital kepada pelajar dan kepentingannya hari ini. Melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam menghasilkan produk dalam bentuk digital bagi membantu proses pembelajaran.

Usaha ini telah menjadikan UiTM sebagai institusi pertama di Asia Tenggara yang mempunyai MOU bersama beberapa industri terkemuka tanah air.

BlackBox mampu menyumbang kepada negara mengikut “Sustainable Development Goal” (SDG) 4 iaitu “Quality Education” dimana hasil dari program ini mampu mengeluarkan Graduan

Dinamik seperti yang terkandung di dalam strategi 3 Model Hala Tuju Strategik, Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat.

SENARAI BUKTI :

1. [surat GM Klang to appoint shifa.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Untuk pemantauan pihak tertinggi FKPM akan sentiasa melihat serta mengkaji semula proposal setiap program bagi memastikan program yang dijalankan akan memberi impak kepada fakulti serta universiti. Di antara kaedah yang lazim digunakan adalah melalui pembentangan pelan strategik kepada seluruh warga fakulti, mengadakan mesyuarat TAPA dalam menyemak semula proposal yang dihantar serta penghantaran report akhir setiap program yang dijalankan bagi memastikan sekali lagi keberkesanan pemantau yang dijalankan.

SENARAI BUKTI:

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memantau perancangan strategik FKPM, pihak kepimpinan tertinggi FKPM telah melantik penyelarasan dalaman mengetuai unit strategik FKPM bagi Center of Strategic Planning and Information (CSPI) untuk memastikan 2 pelan dibawah dikendalikan dengan baik dan berkesan.

Pelan 1 - Pelan Pemantauan dalam Pengurusan Risiko oleh Unit Strategik FKPM

Projek

BLACKBOX

Faktor Risiko

- Kurang mendapat sambutan kerana dijalankan pada waktu bekerja.
- Kesukaran mendapatkan ruang serta peralatan yang diperlukan

Risiko

- Orang ramai akan hanya meluangkan masa pada waktu hujung minggu.
- Event yang besar memerlukan kelengkapan yang bersesuaian, di UiTM ruang adalah terhad.

Pelan Mengatasi Risiko

Memastikan liputan dan hebahan event dilakukan secara besar-besaran dan terperinci.

Mendapatkan kerjasama dari PKNS dalam memperolehi ruang serta kelengkapan lain.

-

Projek

Decypher

Faktor Risiko

- Kekangan data internet dan masalah dalam talian semasa permainan berlangsung.
- Kurang pendedahan dan tiada sambutan

Risiko

- Kesalahan memilih media yang bersesuaian dengan *target audiences*.
- Peranti dan kelajuan internet yang digunakan oleh peserta tidak bersesuaian dengan permainan

Pelan Mengatasi Risiko

· Mewarwarkan dan memaklumkan lebih awal kepada peserta mengenai keperluan permainan (peranti dan kelajuan internet) sebelum peserta membayar yuran penyertaan.

· Menggunakan platform yang dianggap sesuai dan mudah untuk semua peserta.

SENARAI BUKTI :

2.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pelan 2 - Pelan Pemantauan Bagi Penambahbaikan - Unit Strategik FKPM

Projek

BLACKBOX

Perancangan Penambahbaikan

Hebahan seharusnya dijalankan secara besar-besaran kerana projek ini mempunyai penglibatan yang ramai.

Perbanyakkan aktiviti susulan yang boleh menarik orang ramai untuk hadir ke event ini.

Projek

Decypher

Perancangan Penambahbaikan

Hebahan seharusnya dijalankan secara besar-besaran kerana projek ini mempunyai penglibatan yang ramai.

Mengurangkan jumlah platform media social yang digunakan didalam permainan

SENARAI BUKTI :

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil Perancangan Strategik

Hasil perancangan strategik di bawah bidang tumpuan ini berjaya menrealisasi beberapa projek berkualiti dan berimpak tinggi yang seiring dengan objektif dan inisiatif strategik FKPM. Lebih membanggakan kesemua projek ini juga seiring dengan pelan semasa di 3 peringkat yang merangkumi global, kementerian dan universiti berpandukan:

Projek

BLACKBOX

SDG 10 - *Reduce Inequality Within And Among Countries*

Lonjakan 3 - Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat

Fungsi 2 - ICAEN UiTM

Projek

Decypher

SDG 4 - Quality Education

Lonjakan 3 - Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat

Fungsi 2 - ICAEN UiTM

SENARAI BUKTI :

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pencapaian fakulti masih ditahap sederhana pada tahun 2018, namun peratusannya meningkat dari tahun ke tahun. Oleh sedemikian, Pengurusan tertinggi FKPM mengambil kira langkah-langkah yang perlu diambil dalam menjadikan UiTM sebagai university yang unggul serta memastikan prestasi fakulti akan terus meningkat. Di antara langkah penambahbaikan yang dijalankan adalah pihak pengurusan tertinggi FKPM mengadaptasikan PLAN, DO, Check dan ACT sebagai langkah mengawal serta memantau perkembangan fakulti.

(Plan) Bagi memastikan fakulti mencapai sasaran yang ditetapkan oleh UiTM serta meningkatkan pencapaian dari tahun-tahun yang lepas, fakulti telah mengkaji dan menganalisa permasalahan yang berlaku serta kesanya terhadap prestasi fakulti serta UiTM. Satu langkah penambahbaikan telah dirancang dan ditetapkan objektif bagi memastikan pencapaian serta objektif fakulti dicapai.

(Do) menggunakan konsep *Walk the Talk*, pihak pengurusan tertinggi fakulti akan memastikan kesemua tumpuan kepada pelanggan diberikan perhatian penuh. Kaedah ini diterapkan melalui kemudahan mencapai kepuasan pelanggan melalui sistem online seperti website dan laman media sosial dan juga offline iaitu melalui borang yang disediakan di pejabat FKPM.

(Check) FKPM menitikberatkan kepuasan pelanggan melalui feedback form serta direct response yang disediakan apabila menerima aduan dan pertanyaan. Website dan laman media sosial akan sentiasa di pantau dari masa ke semasa.

(Act) Aduan yang diterima akan terus dimajukan kepada pihak yang bertanggungjawab serta diberikan tindakbalas segera.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

3.1 Pendekatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan / Customer Relationship Management (CRM)

FKPM sentiasa mengutamakan kepuasan pelanggan dalam setiap aspek yang melibatkan proses pencapaian inisiatif dan objektif strategik FKPM. Dalam usaha mencapai kejayaan ini, proses kenalpasti pelanggan sedia ada dan pelanggan yang berpotensi dilakukan dengan mengaplikasi kaedah 'Pengurusan Perhubungan Pelanggan' / Customer Relationship Management (CRM) melalui 2 pendekatan yang merangkumi:

3.1.1 Pendekatan 1 - Medium tradisional CRM

Kaedah pertama yang melibatkan medium tradisional adalah melalui perjumpaan terus dengan pelanggan. Menarik minat kumpulan sasaran memerlukan kaedah yang kreatif dan terancang supaya pengisian yang disampaikan berbentuk konkrit dan jelas. CRM memainkan peranan utamadalam memastikan terbentuknya hubungan di antara pengurusan tertinggi FKPM, warga FKPM dengan kumpulan sasaran dan pemegang taruh FKPM. Tradisional CRM yang dianjurkan oleh pengurusan tertinggi FKPM dapat mendedahkan informasi utama kepada kumpulan sasaran.

Sebagai contoh, program Selangkah ke UiTM, Misi Akademik FKPM dan sesi perjumpaan bersama industri yang dianjurkan dapat membuka ruang kepada kumpulan sasaran untuk bersemuka terus dengan pengurusan tertinggi FKPM bagi mendapatkan informasi yang jelas. Selain itu, melalui tradisional CRM juga dapat memperkenalkan FKPM kepada kumpulan sasaran.

Sebagai contoh perjumpaan bersama pihak media, program internship pelajar dan hubungan dengan pihak berkepentingan dapat membantu pengurusan tertinggi FKPM untuk mengetengahkan objektif – objektif program yang dianjurkan. Hal ini secara tidak langsung dapat menjalinkan hubungan kerja yang baik antara dua pihak ini.

Hubungan ini membuka peluang kepada FKPM untuk merangka lebih banyak projek-projek berimpak tinggi khusus melibatkan bidang tumpuan. Kumpulan sasaran dapat membantu pengurusan tertinggi FKPM untuk mengukuhkan lagi keberadaan mereka sebagai sebuah program akademik. Justeru, jaminan dalam keberkesanan hubungan antara kumpulan sasaran dengan pengurusan tertinggi FKPM menjadi lebih jelas dan efektif.

Pendekatan 2 - Medium Inovatif CRM

Kaedah kedua mendekati pelanggan FKPM adalah dengan menggunakan teknologi media dan komunikasi baru. Inisiatif baru yang diketengahkan oleh FKPM adalah dengan menggunakan aplikasi AdHub sebagai salah satu medium komunikasi pensyarah dengan pelajar FKPM.

Aplikasi ini merupakan bentuk inovasi baru dalam proses mendekati pelanggan. Menerusi aplikasi ini, komunikasi efektif terbentuk apabila platform ini mempunyai ruang untuk pelajar dan pensyarah berinteraksi bagi proses penambahbaikan projek-projek yang sedang dijalankan. Selain itu, laman sesawang rasmi FKPM menyediakan info yang terperinci untuk kumpulan sasaran mendapatkan maklumat rasmi pada bila-bila masa dan di mana mana sahaja mereka berada.

Ruang Facebook rasmi FKPM yang aktif juga dapat dijadikan platform untuk mengekalkan hubungan kumpulan sasaran dengan pengurusan tertinggi FKPM. Selain itu, aplikasi Instagram yang menjadi trend pada masa kini dapat dijadikan medium kreatif untuk menarik dan mengekalkan minat kumpulan sasaran terhadap program-program yang dianjurkan pengurusan tertinggi FKPM. Kesemua projek berimpak tinggi dalam bidang tumpuan ini turut menjadi focus utama kandungan dalam medium digital rasmi FKPM ini. Projek- projek berimpak tinggi yang bertemakan Jaringan Industri dan Keusahawanan ini turut mempunyai platform digital tersendiri yang direka khas oleh warga FKPM bermula dari rekaan reka bentuk sehingga intipati kandungan bagi platform digital ini. Aktiviti-aktiviti yang dikongsi melalui platform digital FKPM seperti yang dinyatakan merupakan langkah inovatif CRM yang efektif dan memberi kesan positif kepada pengurusan tertinggi FKPM dan juga kumpulan sasaran. Secara tidak langsung, hal ini dapat menjaga kelangsungan hubungan antara pihak FKPM dengan pelanggan sedia ada dan pelanggan masa depan.

SENARAI BUKTI:

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

3.2 Amalan Pedekatan CRM Secara Konsisten

Dalam usaha mengeratkan hubungan di antara FKPM dengan kumpulan pelanggan dan pemegang taruh, pihak pengurusan FKPM secara berterusan mengamalkan kaedah CRM ini dengan menggunakan 2 amalan termasuk :

3.2.1 Amalan 1 - Proses Profil Pelanggan

Melalui pendekatan yang dikemukakan dalam CRM, FKPM jelas menyasarkan kumpulan sasar FKPM merangkumi pengurusan tertinggi universiti, pelajar, ibu bapa, komuniti, pihak industri, pihak alumni, badan kerajaan, badan bukan kerajaan dan pihak media. Kumpulan ini kemudian dijadikan profil pelanggan FKPM dan disimpan dalam pengkalan data FKPM mengikut gerak kerja masing-masing. Sebagai contoh bahagian Hal Ehwal Pelajar mempunyai pangkalan data tersendiri dalam proses pengumpulan maklumat mengenai pelajar FKPM. Pengkalan data ini sangat penting dalam proses melibatkan pelajar-pelajar dalam projek-projek khususnya projek di bawah bidang tumpuan. Portfolio Penyelidikan dan Jaringan Industri juga turut mempunyai pengkalan data tersendiri dalam usaha mengklasifikasi pemegang taruh dan pelanggan-pelanggan semasa FKPM. Sebagai contoh, Persatuan Alumni FKPM sentiasa aktif dalam proses penambahan ahli apabila mesyuarat tahunan ini dikendalikan bersama dengan melibatkan wakil FKPM. Senarai kolaborasi bersama pelbagai pihak termasuk badan kerajaan dan bukan kerajaan juga di rekodkan di bawah pengkalan data ini yang menjadi sumber rujukan utama FKPM apabila pihak pengurusan mula merancang projek-projek berimpak tinggi khusus dalam bidang tumpuan.

3.2.2 Amalan 2 - Proses Penglibatan Pelanggan

Amalan pemprofilan pelanggan merupakan amalan terbaik dalam usaha pihak kepimpinan tertinggi FKPM bersama warga FKPM untuk mengenal pasti fungsi setiap kumpulan pelanggan ini dalam menjayakan projek- projek di bawah bidang tumpuan. Secara khususnya, pelanggan – pelanggan yang terlibat dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan adalah seperti berikut :

SENARAI BUKTI :

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Ketidakpuasan Hati Pelanggan

Pengurusan pelanggan sememangnya penting terutama dalam hal ketidakpuasan hati pelanggan sepanjang proses pencapaian objektif dan inisiatif strategik FKPM berlangsung. Namun, melalui kaedah CRM ini pihak pengurusan FKPM sentiasa bersedia mengendalikan ketidakpuasan pelanggan dengan mewujudkan 2 inisiatif :

SENARAI BUKTI:

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

3.3.1 Inisiatif 1 - Instrumen Maklum balas Pelanggan

Maklum balas pelanggan merupakan inisiatif utama yang ditekankan oleh pihak pengurusan tertinggi FKPM dalam usaha mengekalkan hubungan baik di antara FKPM dengan pelanggan. Kepentingan maklum balas ini memainkan peranan penting dalam mengukur kepuasan dan ketidakpuasan kumpulan sasaran. Hal ini demi menjaga reputasi dan meningkatkan nilai kerja yang tinggi dalam pengurusan tertinggi FKPM. Maklum balas daripada kumpulan sasaran merupakan salah satu medium bagi mengetengahkan cadangan ataupun aduan yang berkaitan dengan perkhidmatan ditawarkan oleh pengurusan tertinggi FKPM. Perkhidmatan yang diberi dapat memenuhi kehendak dan kepuasan hati kumpulan sasaran. Sebagai contoh, borang maklum balas menjadi instrumen langsung dan mudah bagi kumpulan sasaran untuk membuat sebarang maklum balas terhadap pengurusan tertinggi FKPM. Borang maklum balas ini ditempatkan di kaunter pejabat pentadbiran FKPM.

Dalam arus modenisasi, ketika teknologi bergerak seiring dengan perubahan pembangunan dan kehidupan manusia, pelbagai cara untuk kumpulan sasaran ini melakukan maklum balas terhadap pengurusan tertinggi FKPM. Sebagai contoh, maklum balas melalui atas talian sememangnya mudah dan merupakan proses yang dapat mempercepatkan penerimaan maklum balas ini kepada pihak pengurusan. Laman sesawang dan platform digital rasmi FKPM seperti instagram dan Facebook juga menjadi platform pengumpulan maklum balas pelanggan. Pengurus laman sesawang dan platform digital ini dilantik secara rasmi dan dipertanggungjawab untuk menguruskan semua komen dan maklum balas yang diterima secepat mungkin bagi mengelakkan risiko berlakunya pencanggahan maklumat dengan kumpulan pelanggan FKPM.

Bagi sudut pakar dan industri, pihak kepimpinan tertinggi FKPM sentiasa mengadakan sesi perjumpaan bersama pakar industri untuk mendapatkan maklum balas mengenai kesesuaian bentuk kurikulum berdasarkan permintaan industri. Maklum balas secara langsung daripada pihak industri juga diterima melalui jemputan penilaian industri yang mempunyai rubric penilaian tertentu.

SENARAI BUKTI :

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

3.3.1 Inisiatif 2 - Analisa Aduan Pelanggan

Maklumat daripada maklum balas yang diterima oleh pihak FKPM daripada kumpulan pelanggan ini tidak sekadar menjadi bahan rekod fakulti. Inisiatif yang kedua dalam menjaga hubungan baik ini adalah dengan menganalisa aduan yang diterima. Proses menganalisis aduan ini diambil serius dan penting dengan dilaksanakan secara terperinci agar setiap aduan diambil kira. Sebagai contoh sumber maklum balas premier daripada pihak industri dikumpulkan melalui boring lawatan pensyarah ke industri ketika memantau pelajar-pelajar yang menjalankan latihan industri. Aduan dan maklum balas ini bukan sekadar daripada aspek prestasi pelajar di industri malah pelbagai maklum balas diterima merangkumi corak kurikulum, hasil dan produk FKPM, halatuju FKPM dan risiko masa depan yang boleh ditambah baikkan

Borang-borang ini dikembalikan kepada pihak pengurusan kepimpinan tertinggi FKPM untuk dianalisa dan difailkan bagi tujuan audit dalaman. Setiap laporan audit dalaman FKPM turut memfokuskan kepada isu-isu yang disebut dalam laporan tersebut bagi menemui jalan penyelesaian dan penambahbaikan. Laporan audit FKPM membantu pengurusan tertinggi untuk

mengenalpasti dengan lebih mendalam sekaligus menjadi kunci utama dalam meningkatkan reputasi pengurusan tertinggi FKPM. Bagi menganalisa aduan sumber manusia, pihak kepimpinan tertinggi FKPM turut menyahut seruan universiti dengan mengambil serius terhadap maklum balas yang diperolehi daripada keputusan Happiness Index UiTM khususnya indicator yang melibatkan FKPM. Hasil maklumbalas Happiness Index ini bertujuan untuk mengenalpastiparameter kegembiraan di kalangan pekerja FKPM.

SENARAI BUKTI :

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

INTEGRATION

3.4 Hasil Melalui Kaedah CRm

Pengamalan pendekatan CRM ini telah berjaya mewujudkan 4 tumpuan strategik merangkumi tumpuan masyarakat, kolaborasi, tajaan, alumni dan media yang cemerlang di antara FKPM dan semua pemegang taruh yang terlibat dalam projek utama di bawah bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Keusahawanan:

Projek

BlackBox

Tumpuan kepada hubungan masyarakat dan komuniti – Masyarakat Setempat

Tumpuan Sumber Manusia - Pengurusan Tertinggi FKPM / Staff Akademik / Staff Bukan Akademik

Tumpuan Kolaborasi dan Penajaan - Kementerian /Badan Kerajaan/ Badan Bukan Kerajaan / NGO

